



BULETIN MBSP

BIL 1/2020

www.mbsp.gov.my



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
(DATUK BANDAR)**

PENASIHAT

**PUAN Ir HJH ROSNANI BINTI HAJI MAHMOD
(SETIAUSAHA BANDARAYA)**

KETUA EDITOR

PUAN NORHAYATI BINTI SULAIMAN

EDITOR

**MUHAMAD ZULIKQRAM BIN ZULKIFLI
JAWATANKUASA BULETIN MBSP**

JURUGAMBAR

**ENCIK MOHD FAIZ BIN ABDUL HALIM
ENCIK MOHD FAKHREES BIN MOHD ALI**

Isi Kandungan

- 1 Majlis Pecah Tanah GEM Soho Perai, Penang**
Groundbreaking Ceremony at GEM Soho, Penang
- 2 Majlis Angkat Sumpah Penerimaan Jawatan Ahli Majlis MBSP**
MBSP Councilors Inauguration Ceremony
- 3 Perasmian Kemudahan Awam Lima Bintang Lengkok Tenggiri, Seberang Jaya**
Launching Ceremony of Lengkok Tenggiri's Five Stars Public Facilities, Seberang Jaya
- 4 Pelancaran MBSP Call Centre**
Launching of MBSP Call Centre
- 5 Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Halaman Rumah Bersih Dan Indah Kampung Guar Kepayang 2019**
Prize Giving Ceremony of 2019 Clean and Beautiful Home Yard Contest, Kampung Guar Kepayang
- 6 Majlis Perasmian Pameran Art Unites & Temasya Bagan 2020**
- 7 Majlis Perasmian Luna Lights Wonderland**
Opening Ceremony of Luna Lights Wonderland
- 8 Pelancaran Festival Antarabangsa Seni Lukisan Kontena Pulau Pinang**
Launching of Penang International Container Art Festival
- 9 Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2020 & Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2019**
Ceremony of Your Serviced is Remembered 2020 and Ceremony of Outstanding Service Award 2019
- 10 Majlis Penganugerahan Pingat Kebaktian Polis Bantuan Majlis Bandaraya Seberang Perai Oleh Ketua Polis Pulau Pinang**
Auxiliary Police Devotion Medal Awarding Ceremony Seberang Perai City Council by Penang Chief Police
- 11 Majlis Penyampaian Hadiah GRPB Champion Award 2019**
Prize Giving Ceremony GRPB Champion Award 2019
- 12 Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau 2020**
Launching Ceremony of Green School Award 2020

Isi Kandungan

13

Majlis Menandatangani Projek Pembinaan Vivo Executive Apartment & Viio di Aspen Vision City, Batu Kawan Antara Aspen Group kepada Kerjaya Prospek (M) Sdn. Bhd.

Vivo Executive Apartment & Viio Construction Project Signing Ceremony at Aspen Vision City, Batu Kawan Between Aspen Group to Kerjaya Prospek (M) Sdn. Bhd.

14

Persijilan QE5S dan Sijil Most Productive Organisation In Northern Region
Certifications of QE/5S and Most Productive Organization in Northern Region

15

Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Rekabentuk Tanda Pintu Masuk 'Selamat Datang Ke Seberang Perai'
Prizing Giving Ceremony "Welcome to Seberang Perai" Entrance Sign Design Competition

16

Pengiktirafan Pencapaian Terbaik Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Recognition as Most Accomplished Penang State Government Department

17

Pelancaran Latihan Pendidikan Dan Kesedaran Kualiti Air Sungai Peringkat Sekolah Menengah
Launch of Education and Water Quality Awareness Training at Secondary School Level

18

Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman Antara Majlis Bandaraya Seberang Perai dan Malaysia Green Building Council Northern Chapter (MalaysiaGBC NC)

Ceremony of Signing Understanding Agreement Between Seberang Perai City Council and Malaysia Green Building Council Northern Chapter (MalaysiaGBC NC)

19

Seminar Pemanfaatan Imej Dan Etika Profesional Anjuran PUSPANITA MBSP
Professional Image and Etiquette Consolidation Seminar Organized by PUSPANITA MBSP

20

Lawatan & Kunjung Hormat

21

Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19
COVID -19 Movement Control Order

Majlis Pecah Tanah GEM Soho Perai, Penang

Majlis Pecah Tanah GEM Soho Perai telah disempurnakan oleh YAB Chow Kon Yeow Ketua Menteri Pulau Pinang pada 6 Januari 2020 bertempat di GEM Sales Gallery Jalan Baru Perai.



Groundbreaking Ceremony at GEM Soho, Penang

Groundbreaking ceremony at GEM Soho, Perai was completed by YAB Chow Kon Yeow, Penang Chief Minister, on 6th January 2020 at GEM Sales Gallery, Jalan Baru Perai.



Majlis Angkat Sumpah Penerimaan Jawatan Ahli Majlis MBSP



Majlis Angkat Sumpah Penerimaan Jawatan Ahli Majlis MBSP Tahun 2020 telah diadakan pada 11 Januari 2020 di Dewan Kenanga, Menara Bandaraya MBSP. Seramai 24 orang Ahli Majlis telah mengangkat sumpah disaksikan oleh Ketua Menteri YAB Chow Kon Yeow, Datuk Bandar YBhg. Dato' Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud dan Exco Kerajaan Tempatan YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh. Seramai 8 orang daripada Ahli Majlis yang dilantik adalah muka baru. Tahniah diucapkan Ahli Majlis yang telah dilantik dan selamat menjalankan tugas.



MBSP Councilors Inauguration Ceremony

MBSP inauguration ceremony for the year 2020 was held on 11th January 2020 at Kenanga Hall, MBSP City Tower. As many as 24 councilors took an oath, witnessed by Penang Chief Minister, YAB Chow Kon Yeow, the mayor, YBhg. Dato' Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud and exco of local government, YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh. As many as 8 people from the councilors appointed were new faces. Congratulations to the appointed councilors and godspeed on the undertakings.



Perasmian Kemudahan Awam Lima Bintang Lengkok Tenggiri, Seberang Jaya



Projek ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan Negeri di bawah Rancangan Struktur Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2030 dan sejajar dengan Pelan Strategik MBSP dalam menyediakan kemudahan yang berkualiti dan pembangunan bandar yang inklusif dan saksama.



Launching Ceremony of Lengkok Tenggiri's Five Stars Public Facilities, Seberang Jaya

This project was in conjunction with the state government's desire under the programme of Penang Governmental Structure 2030 and in line with MBSP Strategic Plan in preparing quality facilities and town development which is both inclusive and impartial.

Pelancaran MBSP Call Centre



Selaras dengan Wawasan Penang 2030, MBSP telah mengambil langkah yang lebih proaktif dalam meningkatkan pengurusan aduan dan informasi melalui penubuhan MBSP Call Centre. Penubuhan MBSP Call Centre ini sekaligus meletakkan MBSP sebagai sebuah PBT yang ke hadapan dalam aspek teknologi dan digital khususnya dalam pengurusan dan pengendalian aduan penduduk Seberang Perai. Orang awam boleh menghubungi talian MBSP Call Centre 04-2696969 untuk membuat sebarang aduan.



Launching of MBSP Call Centre

In conjunction with Penang 2030 vision, MBSP took a more proactive step in improving complaints and information management via the establishment of MBSP Call Centre. The establishment of MBSP Call Centre immediately put MBSP as a local authority that is forward in terms of technology and digital, especially in management and operation of Seberang Perai citizens' complaints. The public may contact the land line of MBSP Call Centre at 04-2696969 for any kinds of complaint.



Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Halaman Rumah Bersih Dan Indah Kampung Guar Kepayang 2019



Pertandingan Halaman Rumah Bersih Dan Indah Kampung Guar Kepayang ini merupakan tahun pertama ia dilancarkan dengan kerjasama Ahli Majlis MBSP dan Jawatankuasa Surau Guar Kepayang. Kampung ini juga terpilih dalam program Pilot Projek Kampung Sisa Sifar dan terlibat dengan program FACE anjuran LPPKN dalam mensejahterakan keluarga dan komuniti. Setiap rumah yang mengambil bahagian dinilai berdasarkan kebersihan halaman rumah, landskap, penanaman sayur-sayuran, penghasilan baja kompos dan pengasingan sisa di punca. Para peserta yang berjaya telah menerima sijil penghargaan dan hadiah barang elektrik tajaan Ahli Majlis MBSP Encik Saifullah Abdul Nasir. Hadiah dan sijil telah disampaikan oleh Datuk Bandar MBSP YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud. Program diharap dapat menyemai amalan menjaga kebersihan di dalam dan luar rumah bagi menghindari pencemaran alam sekitar serta menceriakan kawasan persekitaran.



Prize Giving Ceremony of 2019 Clean and Beautiful Home Yard Contest, Kampung Guar Kepayang



This was the first year for Kampung Guar Kepayang Clean and Beautiful Home Yard Contest to be held with cooperation from MBSP councilors and Guar Kepayang Surau Committee. This village was chosen in the Pilot Project Programme of Zero-Waste Village, involving FACE Programme organized by LPPKN in prospering families and community. Every household took part were evaluated based on home yard's cleanliness, landscape, vegetables cultivation, production of compost fertilizer and waste segregation at source. All succeed contestants received certificates of appreciation and prizes of electrical appliances sponsored by MBSP councilor, Mr. Saifullah Abdul Nasir. Prizes and certificates were awarded by MBSP mayor, YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud. This programmed was hoped to instill good habit of environmental cleanliness protection in and outside of houses in order to deter environmental contamination while brightening the surrounding areas.



Majlis Perasmian Pameran Art Unites & Temasya Bagan 2020



Majlis Perasmian Luna Lights Wonderland



Pesta lampu Luna Lights Wonderland merupakan acara pesta lampu LED terbesar di Malaysia hasil usaha Red Bear Global bersempena dengan 'Visit Truly Asia Malaysia 2020'. Program ini diadakan di 12 lokasi seluruh Malaysia dan Pulau Pinang merupakan lokasi yang keempat penganjuran program ini iaitu di Taman Upcycle Bandar Perda. Pesta lampu ini berlangsung selama 17 hari iaitu pada 7 - 23 Februari 2020 dari jam 7.00 petang sehingga jam 12.00 malam. Para pengunjung berpeluang menyaksikan pelbagai pameran dan corak lampu LED yang sangat menarik.



Opening Ceremony of Luna Lights Wonderland



Luna Lights Wonderland lights festival is the largest LED lights festival event in Malaysia, a product by Red Bear Global in conjunction with "Visit Truly Asia Malaysia 2020". This programme was held at 12 locations throughout Malaysia with Penang being the fourth programme organizer at Bandar Perda Taman Upcycle. This lights festival was held for a period of 17 days, dated from 7th to 23rd February 2020, 7pm until 12am. All visitors had the chance to watch various remarkably interesting exhibitions and LED lighting patterns.




Pelancaran Festival Antarabangsa Seni Lukisan Kontena Pulau Pinang

Pelancaran Festival Antarabangsa Seni Lukisan Kontena Pulau Pinang (Penang International Container Art Festival) PICAF oleh YB Tuan Yeoh Soon Hin (Exco Pelancongan, Warisan, Kebudayaan & Kesenian). PICAF merupakan tarikan terbaru di Pulau Pinang dan yang pertama di Asia yang mengetengahkan senilukis urban hasil pelukis tempatan dan antarabangsa. Sebanyak 5 lokasi di sekitar Pulau Pinang telah dipasang dengan kontena yang dihiasi lukisan mural berkonsepkan elemen tempatan.



Launching of Penang International Container Art Festival



Launching of Penang International Container Art Festival (PICAF) was officiated by YB Tuan Yeoh Soon Hin (Exco of Tourism Development, Arts, Culture and Heritage). PICAF is a new attraction in Penang and was the first in Asia to highlight urban arts produced by local and international artists. As many as 5 locations around Penang were installed with container and decorated by mural paintings with the concept of local elements.



Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2020 & Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2019

Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2020 dan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2019 telah diadakan pada 19 Februari 2019 bertempat di Ixora Hotel Perai. Seramai 293 orang kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai yang terbahagi kepada pelbagai peringkat telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2019. Para penerima APC 2019 menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan Hadiah Prestasi sebanyak RM1000.00. Dalam majlis yang sama, turut diadakan Majlis Jasamu Dikenang bagi meraikan 42 orang kakitangan yang telah bersara pada tahun 2019 dan akan mula bersara pada tahun 2020.



Hadiah dan sijil telah disampaikan oleh Datuk Bandar MBSP dan Ahli Majlis. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan sekalung penghargaan kepada semua pesara atas segala usaha dan bakti yang telah dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan bersama MBSP.



Ceremony of Your Serviced Is Remembered 2020 and Ceremony of Outstanding Service Award 2019



Ceremony of Your Serviced Is Remembered 2020 and Ceremony of Outstanding Service Award 2019 were held on 19th February 2019 at Ixora Hotel, Perai. As many as 293 MBSP staffs from various levels received Outstanding Service Award for the year 2019. All receivers of the Outstanding Service Award received Certificate of Outstanding Service and Performance Prizes of RM 1,000.00. In the same ceremony, Ceremony for Your Service Is Remembered was held to celebrate 42 retirees who has retired in 2019 and would start their retirement in year 2020.



Prizes and certificates have been presented by MBSP Mayor and councilors. Well done and congratulations to all receivers of Outstanding Service Award and a bunch of appreciation to all retirees, for all the efforts and devotion that have been poured during the period of service with MBSP.



Majlis Penganugerahan Pingat Kebaktian Polis Bantuan Majlis Bandaraya Seberang Perai Oleh Ketua Polis Pulau Pinang



Seramai 20 orang anggota Polis Bantuan MBSP yang terdiri daripada 2 pegawai dan 18 anggota telah dianugerahkan Pingat Kebaktian. MBSP merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang pertama di Malaysia yang menerima Pingat Kebaktian oleh PDRM sebagai penghargaan terhadap jasa dan bakti anggota Polis Bantuan dalam melaksanakan tugas menjaga keselamatan dan ketenteraman awam. Majlis penganugerahan pingat ini telah disempurnakan oleh YDH. Pesuruhjaya Polis (CP) Dato' Narenasegaran A/L Thangaveloo. Penganugerahan pingat ini secara langsung dapat meningkatkan mutu kerja pasukan Polis Bantuan sejajar dengan Pelan Strategik MBSP 2018-2022 dalam Penjenamaan Semula Pasukan Polis Bantuan MBSP.



Auxiliary Police Devotion Medal Awarding Ceremony Seberang Perai City Council by Penang Chief Police



A total of 20 members of the MBSP Auxiliary Police consisting of 2 officers and 18 members were awarded the Devotion Medal. MBSP is the first local authority in Malaysia to receive a Devotion Medal by PDRM in appreciation of the services and devotion of Auxiliary Police members in carrying out their duties of maintaining security and public order. The medal award ceremony was completed by YDH. Commissioner Police (CP), Dato' Narenasegaran A/L Thangaveloo. The awarding of this medal can directly improve the quality of work of the Auxiliary Police team in line with the MBSP Strategic Plan 2018-2022 in Rebranding MBSP Auxiliary Police Force.



Majlis Penyampaian Hadiah GRPB Champion Award 2019

Jabatan Landskap MBSP telah dipilih menjadi johan bagi GRPB Champion Award 2019 dengan menerima hadiah berupa wang tunai RM7000 dan piala pusingan. Tempat kedua pula telah dimenangi oleh Jabatan Pesuruhjaya Bangunan dengan hadiah wang tunai sebanyak RM2000 manakala Jabatan Kejuruteraan mendapat tempat ketiga dengan wang tunai sebanyak RM1000. Hadiah telah disampaikan oleh YB Puan Chong Eng, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender Dan Agaman Selain Islam. Dalam majlis yang sama, turut dilancarkan GRPB Champion Award Tahun 2020.

Program GRPB Champion Award ini bertujuan untuk membudayakan pelaksanaan GRPB di semua jabatan dalaman MBSP di samping dapat memotivasi pegawai dalam melaksanakan projek GRPB. Hadir sama ke majlis ini Ahli Majlis MBSP, Puan Hjh Ir Rosnani Binti Haji Mahmod (Setiausaha Bandaraya), YB Lee Khai Loon (Adun Machang Bubok), Puan Ong Bee Leng (Ketua Pegawai Eksekutif PWDC), Dato' Rohana Abdul Ghani (Ahli Lembaga Pengarah PWDC) serta pegawai dan kakitangan MBSP. Tahniah diucapkan kepada semua pemenang dan jabatan yang telah mengambil bahagian dalam program ini.



Prize Giving Ceremony GRPB Champion Award 2019



The MBSP Landscape Department has been selected as the champion for the GRPB Champion Award 2019 by receiving prizes in the form of RM 7,000 cash and a round trophy. The second place was won by the Department of Building Commissioner with a cash prize of RM 2,000 while the Engineering Department gotten third place with RM 1,000 cash. The prizes were presented by YB Puan Chong Eng, Exco of Women and Family Development, Gender Inclusiveness and Religions Other than Islam. In the same ceremony, the GRPB Champion Award Year 2020 was also launched.

This GRPB Champion Award programme aimed to cultivate the implementation of GRPB in all internal departments of MBSP as well as to motivate officers in implementing GRPB projects. Also present at the event were MBSP councilors, Puan. Hjh Ir Rosnani binti Haji Mahmod (City Secretary), YB Lee Khai Loon (Machang Bubok Assemblyman), Puan Ong Bee Leng (PWDC Chief Executive Officer), Dato' Rohana Abdul Ghani (member of the PWDC board of directors) as well as MBSP officers and staff. Congratulations to all the winners and departments who have participated in this programme.



Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau 2020

Datuk Bandar YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud telah merasmikan Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau 2020 bertempat di Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh, Bukit Mertajam. Anugerah Sekolah Hijau 2020 ini merupakan tahun kesebelas penganjurannya sejak 2010 dan ditaja sepenuhnya oleh Syarikat Continental Automotive Components (M) Sdn. Bhd. Pada tahun ini skema pemarkahan Anugerah Sekolah Hijau 2020 telah tambah baik bagi mencapai sekolah hijau sebagai penggerak kelestarian alam sekitar. Antaranya sekolah perlu mencapai penjimatan elektrik dan air sebanyak 2% bagi memperolehi markah yang lebih tinggi dan 4 markah lagi bagi pengkomposan. Program ini secara langsung memberi pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar terhadap para pelajar.



Launching Ceremony of Green School Award 2020



Mayor YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud officiated the launching of the Green School Award 2020 at Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh, Bukit Mertajam. This Green School Award 2020 is the eleventh year of its organization since 2010 and is fully sponsored by Continental Automotive Components (M) Sdn. Bhd. This year, the scoring scheme for the Green School Awards 2020 has been improved to achieve green schools as a driver of environmental sustainability. Among them, schools need to achieve 2% electricity and water savings to obtain higher marks and 4 more marks for composting. This programme directly provides a holistic approach to environmental management to the students.



Majlis menandatangani Projek Pembinaan Vivo Executive Apartment & Viio di Aspen Vision City, Batu Kawan Antara Aspen Group kepada Kerjaya Prospek (M) Sdn. Bhd.

Majlis menandatangani MoU ini disaksikan oleh YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa serta Datuk Bandar MBSP YBhg. Dato' Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud.

Projek yang bakal dibina ini dapat meningkatkan populasi penduduk di Batu Kawan dan secara tidak langsung mewujudkan perkembangan ekonomi dan pembangunan komersil di bandar satelit ketiga Pulau Pinang ini.



Vivo Executive Apartment & Viio Construction Project Signing Ceremony at Aspen Vision City, Batu Kawan Between Aspen Group to Kerjaya Prospek (M) Sdn. Bhd.

The MoU signing ceremony was witnessed by YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Exco of Housing, Local Government and Urban and Rural Planning) and MBSP Mayor YBhg. Dato' Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud.

The project to be built can increase the population of Batu Kawan and indirectly create economic and commercial development in this third satellite city of Penang.



Persijilan QE5S dan Sijil Most Productive Organisation In Northern Region



MBSP telah berjaya mendapat 3 Bintang dalam Persijilan QE/5S dan Sijil 'Most Productive Organisation In Northern Region' dalam program Hari Amalan Baik Peraturan (GRP) Wilayah Utara 2020 & Anugerah Di Persada Antarabangsa yang diadakan di Dewan Produktiviti MPC Wilayah Utara, Kepala Batas. Sijil telah disampaikan oleh YB Dato' Abdul Razak Bin Jaafar, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Syabas dan tahniah kepada seluruh warga kerja MBSP atas pencapaian ini.



Certifications of QE/5S and Most Productive Organization in Northern Region

MPSP succeed in obtaining 3-stars in QE/5S and Most Productive Organization in Northern Region Certifications under the programme of Good Regulatory Practice (GRP) at Northern Region 2020 and "Di Persada Antarabangsa" Award held at Nothern Region MPC Productivity Hall, Kepala Batas. The certificates were awarded by YB Dato' Abdul Razak bin Jaafar, Penang state secretary. Well done and congratulations to the whole workforce of MBSP upon this achievement.



Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Rekabentuk Tanda Pintu Masuk 'Selamat Datang Ke Seberang Perai'

Penganjuran pertandingan ini bertujuan mencari idea baru yang menarik dan kreatif disamping memperbaiki kualiti ruang bandar yang mempunyai simbolik dan beridentiti. Seramai 10 penyertaan telah diterima dan 4 peserta telah terpilih. Berikut adalah senarai pemenang:

Tempat Pertama (RM1000 beserta sijil) - Muhammad Jafni Bin Muhammad Azmi

Tempat Kedua (RM700 beserta sijil) - Mohd Hanif Bin Zulkifli

Tempat Ketiga (RM400 beserta sijil) - Ahmad Zaini Bin Zainul Abidin

Hadih saguhati berupa wang tunai RM100 beserta sijil turut diberi kepada 7 peserta. Tahniah kepada semua pemenang!



Prizing Giving Ceremony “Welcome to Seberang Perai” Entrance Sign Design Competition

This competition was organized to find new, interesting, and creative ideas while improving the quality of the town's space that is symbolic and having an identity. As many as 10 entries were received and 4 participants were chosen. Following is the list of winners:

First prize (RM 1,000 with certificate) – Muhammad Jafni bin Muhammad Azmi



Second prize (RM 700 with certificate) – Mohd Hanif bin Zulkifli



Third prize (RM 400 with certificate) – Ahmad Zaini bin Zainul Abidin

Consolation prizes in the form of RM 100 cash prizes and certificates were also given to 7 participants. Congratulations to all winners.

Pengiktirafan Pencapaian Terbaik Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

MBSP telah menerima pengiktirafan Pencapaian Terbaik Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam satu Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Bersama YAB Ketua Menteri Pulau Pinang yang diadakan di Grand Ballroom The Top, Komtar. Pengiktirafan ini diberikan atas kejayaan yang diperolehi oleh MBSP sepanjang tahun 2019. Hadiah berupa cek sebanyak RM15,000 telah disampaikan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang.



Recognition as Most Accomplished Penang State Government Department

MBSP has been recognized as the most accomplished Penang State Government Department in a Public Service Members Assembly with YAB Penang Chief Minister at the Grand Ballroom, The Top, Komtar. This recognition was granted on top of the success obtained by MBSP along the year 2019. Prize in the form of cheque valued RM 15,000 were presented by YAB Chow Kon Yeow, Penang Chief Minister.



Pelancaran Latihan Pendidikan Dan Kesedaran Kualiti Air Sungai Peringkat Sekolah Menengah

Pelancaran Latihan Pendidikan Dan Kesedaran Kualiti Air Sungai Peringkat Sekolah Menengah bertempat di Taman Rimba Cherok To'kun, Bukit Mertajam. Program ini adalah anjuran bersama MBSP dengan Water Watch Penang bertujuan mendekatkan dan memberi kefahaman kepada para pelajar akan kepentingan penjagaan kebersihan sungai sebagai sumber air. Dalam program latihan, para pelajar diajar untuk menjalankan pemantauan kualiti air sungai dari segi fizikal, biologi dan kimia. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Encik Tan Cheong Heng, Ahli Majlis MBSP.



Launch of Education and Water Quality Awareness Training at Secondary School Level



Education and Water Quality Awareness Training at Secondary School Level was launched at Taman Rimba Cherok To'kun, Bukit Mertajam. This programme was jointly organized by MBSP and Water Watch Penang to bring students closer to and understand the importance of river cleanliness as a source of water. In the training programme, students were taught to monitor the quality of river water in terms of physical, biological, and chemical. The launching ceremony was officiated by YBhg. Mr. Tan Cheong Heng, MBSP councilor.



Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman Antara Majlis Bandaraya Seberang Perai dan Malaysia Green Building Council Northern Chapter (MalaysiaGBC NC)

Satu Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara MBSP dan MalaysiaGBC NC telah diadakan pada 4 Mac 2020 di Menara Bandaraya MBSP bagi menjalin kerjasama dan rakan strategik dalam mempromosikan pembangunan mampan yang lestari dan bangunan hijau di Seberang Perai. Perjanjian selama 2 tahun ini bertujuan mempromosikan bangunan-bangunan yang dipersijilkan melalui program Green Building Index (GBI) serta menghasilkan Garis Panduan Bangunan Hijau yang lebih relevan bagi Kelulusan Merancang dan Pelan Bangunan di samping mengurangkan penghasilan karbon melalui kaedah pembangunan hijau dan mampan.



Ceremony of Signing Understanding Agreement Between Seberang Perai City Council and Malaysia Green Building Council Northern Chapter (MalaysiaGBC NC)

A Memorandum of Understanding (MoU) Signing Ceremony between MBSP and MalaysiaGBC NC was held on 4th March 2020 at MBSP City Tower to forge cooperation and strategic partners in promoting sustainable development and green building in Seberang Perai. This 2-year agreement aimed to promote certified buildings through the Green Building Index (GBI) programme as well as produce more relevant Green Building Guidelines for Planning Approvals and Building Plans while reducing carbon emissions through green and sustainable development methods.



Seminar Pemantapan Imej Dan Etika Profesional Anjuran PUSPANITA MBSP



PUSPANITA MBSP telah menganjurkan Seminar Pemantapan Imej dan Etika Profesional kepada Ahli-Ahli PUSPANITA MBSP oleh Perunding Imej Team Training Cube International Sdn.Bhd bertempat di Dewan Serbaguna Pejabat Daerah & Tanah SPT. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Datin Hajah Che Limah bt Ujang Pengurus PUSPANITA MBSP.



Professional Image and Etiquette Consolidation Seminar Organized by PUSPANITA MBSP



PUSPANITA MBSP has organized Professional Image and Etiquette Consolidation Seminar for members of PUSPANITA MBSP by image consultant of Team Training Cube International Sdn. Bhd. at the multipurpose hall of Central Region District and Land Office. The opening ceremony was completed by YBhg. Datin Hajah Che Limah by Ujang, president of MBSP PUSPANITA.



Lawatan & Kunjung Hormat

Kunjung Homrat Dari Hakim Mahkamah Sesyen Bukit Mertajam



Kunjung Hormat Dari JKP Sdn. Bhd



Kunjung Hormat Dari Konsul Jeneral Thailand



Kunjung Hormat Dari Pegawai Daerah SPT



Kunjung Hormat Dari RISM



Lawatan Dari MPSJ



Lawatan Dari Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Kulim Hi-Tech



Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19

COVID - 19 Movement Control Order

PKP Fasa 1 (18 Mac 2020 - 31 Mac 2020)

MCO Phase 1 (18th Mar 2020 – 31 Mar 2020)



PKP Fasa 2 (1 April 2020 - 14 April 2020)
MCO Phase 2 (1st Apr 2020 – 14 Apr 2020)



PKP Fasa 3 (15 April 2020 - 28 April 2020)

MCO Phase 2 (1st Apr 2020 – 14 Apr 2020)



Sumbangan Kepada Petugas Barisan Hadapan COVID-19 Semasa PKP Fasa 1 - 3 Contributions to Front Liners of COVID-19 during MCO Phase 1 - 3





Menara Bandaraya
Jalan Perda Utama, Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang



04 - 549 7555



04 - 538 9700



www.mbsp.gov.my

